



Working Paper No. 49, April 2011

**KELAS MENENGAH, UMNO DAN INTELEGENSIA:
TENTANGAN DOMINASI POLITIK BUMIPUTERA ISLAM DI
SARAWAK**

Faisal S. Hazis

Working Paper Series

**Faculty
of
Social Sciences**

KELAS MENENGAH, UMNO DAN INTELEGENSIA: TENTANGAN DOMINASI POLITIK BUMIPUTERA ISLAM DI SARAWAK

Faisal S. Hazis

**Fakulti Sains Sosial
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

PENGENALAN

Tatkala beberapa negeri di Semenanjung Malaysia dilanda tsunami politik pada 8 Mac 2008, Sarawak masih terus kukuh di bawah dominasi kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan kelompok Bumiputera Islam. Dominasi ini, walau bagaimanapun, bakal diuji lagi dalam pilihan raya negeri yang ke-10 nanti oleh Pakatan Rakyat (PR) yang melihat negeri terbesar di Malaysia ini sebagai jambatannya melangkah ke Putrajaya. Tentangan politik yang dicanang sebagai yang terhebat sejak pilihan raya negeri 1987 ini akan membuka “gelanggang” di Batang Ai pada 7 April 2009. Berdasarkan perkembangan semasa ini, penulis ingin mengupas faktor-faktor yang menyumbang kepada penguasaan berterusan BN di bawah teraju pemimpin Bumiputera Islam Sarawak dan juga sumber-sumber tentangan yang mampu mengoncang dominasi tersebut.

KUASA NEGARA DAN KEKUATAN MASYARAKAT: DOMINASI POLITIK PEMIMPIN BUMIPUTERA ISLAM

Dominasi politik pemimpin Bumiputera Islam bermula selepas pilihan raya umum 1970. Jawatan Ketua Menteri Sarawak sejak waktu itu disandang oleh dua orang pemimpin Melanau Islam yang berpendidikan tinggi iaitu Abdul Rahman Yaakub (1970-81) dan Abdul Taib Mahmud (1981-sekarang). Rahman Yaakub memainkan peranan penting dalam menghidupkan semula penguasaan masyarakat Bumiputera Islam dalam kancah politik Sarawak. Manakala, anak saudara beliau, Taib Mahmud, pula memastikan kuasa politik